

**GARIS PANDUAN PENYERTAAN  
PERTANDINGAN PROJEK INOVASI  
KONVENSYEN INOVASI  
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR (JKNJ)**

**1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Bahagian/ Cawangan/ Seksyen/ Pejabat Kesihatan Daerah/ Pejabat Pergigian Daerah/ Pusat Tanggungjawab/ Hospital/ Institusi di Jabatan Kesihatan Negeri Johor mengenai syarat penyertaan, kriteria penilaian serta format laporan projek inovasi Konvensyeni Inovasi Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

**2. PENGENALAN**

Penganjuran Konvensyen Inovasi ini adalah selaras dengan kehendak Anugerah Inovasi Peringkat Kebangsaan KKM yang bertujuan untuk menggalakkan budaya inovasi dari seluruh warga JKNJ. Berdasarkan tafsiran oleh MAMPU, inovasi bertujuan untuk menambah nilai output semasa yang melibatkan transformasi daripada amalan biasa sama ada dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

**3. OBJEKTIF PERTANDINGAN PROJEK INOVASI KONVENSYEN INOVASI JKNJ**

Objektif pertandingan ini adalah untuk:

- 3.1 Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh warga JKNJ.
- 3.2 Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan.
- 3.3 Memperkenal dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah bersama
- 3.4 Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

**4. KATEGORI-KATEGORI PROJEK INOVASI KONVENSYEN INOVASI JKNJ**

Berikut merupakan empat kategori projek inovasi yang dipertandingkan bagi Konvensyen Inovasi JKNJ:

- 4.1 Perkhidmatan
- 4.2 Produk
- 4.3 Proses
- 4.4 Teknologi

**5. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

Syarat-syarat penyertaan pertandingan projek inovasi Konvensyen Inovasi JKNJ adalah seperti berikut:

- 5.1 Terbuka kepada warga kerja JKNJ di semua Bahagian/ Cawangan/ Seksyen/ Pejabat Kesihatan Daerah/ Pejabat Pergigian Daerah/ Pusat Tanggungjawab/ Hospital/ Institusi.

- 5.2 Inovasi hendaklah dihasilkan oleh warga JKNU dari jabatan, bahagian, hospital, klinik, seksyen atau unit sesebuah agensi.
- 5.3 Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.
- 5.4 Projek Inovasi yang ingin menyertai mestilah telah dilaksanakan/dijalankan sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup penyertaan dan tidak lebih daripada 3 tahun dari tarikh ia diperkenalkan dan dilaksanakan.
- 5.5 Projek Inovasi yang telah dipertandingkan sebelum tahun semasa boleh dipertimbangkan penyertaannya tertakluk kepada syarat 5.4.
- 5.6 Projek Inovasi yang tidak layak adalah:
- Inovasi yang telah memenangi mana-mana pertandingan di peringkat yang lebih tinggi seperti Kementerian, MAMPU ataupun mana-mana anugerah dari agensi luar sama ada dalam negara mahupun luar negara.
  - Inovasi yang telah memenangi mana-mana anugerah inovasi peringkat negeri pada tahun-tahun yang lepas.
  - Inovasi yang telah dibangunkan serta digunapakai oleh mana-mana unit penyelidikan dan pembangunan (inovasi dari hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi).
  - Inovasi bagi tujuan komersial.
- 5.7 Pihak penganjur berhak menerima dan menolak penyertaan yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 5.8 Pihak penganjur berhak menukar kategori penyertaan projek inovasi ke kategori yang sewajarnya. Sebarang pertukaran kategori akan dimaklumkan kepada pemohon.

## 6. LANGKAH-LANGKAH PENCALONAN PROJEK

- 6.1 Sila isi borang permohonan secara online seperti yang terdapat pada pautan <https://forms.gle/nCVtCVj2cnSqugRU7> atau imbas pada QR code seperti dibawah.



- 6.2 Sebarang permohonan yang diterima selepas **31 Mac 2020** tidak akan dipertimbangkan.
- 6.3 Sediakan Abstrak dan Laporan Projek mengikut format/ templat yang ditetapkan (abstrak tidak melebihi 350 patah perkataan dan laporan projek perlu dimuat naik dalam bentuk PDF).

## 7. KRITERIA PEMARKAHAN

Kriteria penilaian adalah berdasarkan Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Tahun 2006 oleh MAMPU dan berdasarkan pada dasar dan polisi semasa (Lampiran 5).

## 8. PEMBAHAGIAN MARKAH

Pembahagian markah diberi mengikut kriteria-kriteria seperti yang ditetapkan .

## 9. PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH

Proses penilaian dan pemilihan dibuat melalui tiga peringkat seperti berikut:


9.1 **Peringkat pertama:** Penilaian berdasarkan laporan penuh oleh Panel Penilai

9.2 **Peringkat kedua:** Penilaian projek inovasi yang disenarai pendek berasaskan taklimat/ pembentangan dan demonstrasi

Melibatkan semua kategori inovasi produk, perkhidmatan, proses dan teknologi. Pada peringkat ini, projek inovasi yang dipilih akan dijemput untuk membuat pembentangan serta demonstrasi mengenai projek inovasi masing-masing pada hari pertandingan. Pembentangan ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang ditetapkan.

Kriteria pembentangan adalah seperti berikut:

- a. Poster perlulah atas satu helaian sahaja.
- b. Saiz poster adalah dalam bentuk potrait dan mesti tidak melebihi 594mm panjang x 841mm lebar (A1).



- c. Guna font Arial atau Times New Roman sahaja.
- d. Saiz huruf perlulah mudah dibaca dari jarak 6 kaki.
- e. Gunakan ilustrasi yang ringkas.
- f. Pembentang diberikan masa **10 minit untuk membentang** dan **3 minit masa tambahan untuk sesi soal jawab** bersama para hakim. Sila berlatih dan pastikan pembentangan tidak melebihi 10 minit. Panel Penilai tidak akan mengambil kira jika melebihi masa yang ditetapkan.

9.3 **Peringkat ketiga:** Keputusan muktamad oleh Panel Penilai

## 10. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup permohonan penyertaan, penghantaran abstrak dan laporan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tarikh Tutup
1.	Permohonan Penyertaan	<b>31 Mac 2020</b>
2.	Abstrak	<b>31 Mac 2020</b>
3.	Laporan Penuh	<b>31 Mac 2020</b>

Sebarang permohonan penyertaan yang diterima selepas **31 Mac 2020 (Selasa)** tidak akan dipertimbangkan.

## 11. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan, sila hubungi:

Urusetia Inovasi	No. Telefon	e-mel
Dr Mohammad Faiz Bin Maarof	017-8268985	<a href="mailto:drfaiz.maarof@moh.gov.my">drfaiz.maarof@moh.gov.my</a> <a href="mailto:kualitiJKNJ@gmail.com">kualitiJKNJ@gmail.com</a>

Disediakan oleh:

**Sekretariat Konvensyen Inovasi 2020**  
**Jabatan Kesihatan Negeri Johor**

## KRITERIA PEMARKAHAN PROJEK INOVASI

Tajuk Projek: .....

Bil.	Kriteria	Pecahan Markah	Pemarkahan	Markah oleh Penilai	Ulasan
<b>1</b>	<b>IMPAK TINGGI*</b>				
1.1	Kolaborasi	5%	<b>15%</b>		
1.2	Inisiatif NBOS	5%			
1.3	WOW Factor (luar kotak)	5%			
<b>2.</b>	<b>KREATIVITI</b>				
2.1	Asli / Adaptasi	10% atau 5%	<b>20%</b>		
2.2	Keselamatan	5%			
2.3	Kekemasan	5%			
<b>3.</b>	<b>EFISIEN</b>				
3.1	Nilai tambah pada pengguna	10%	<b>50%</b>		
3.2	Mesra pengguna	10%			
3.3	Penjimatan masa	10%			
3.4	Penjimatan kos	10%			
3.5	Peningkatan produktiviti	10%			
<b>4.</b>	<b>REPLICABILITY</b>				
4.1	Aplikasi di peringkat program/ unit yang sama	5% atau	<b>15%</b>		
4.2	Aplikasi di peringkat program/ unit yang lain	10% atau			
4.3	Aplikasi oleh Kementerian atau agensi lain	15%			
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>100%</b>		

**Nota: Penjelasan Bagi Kriteria IMPAK TINGGI\***

## 1.1 Kolaborasi

- Tiada kolaborasi = 0 markah
- Kolaborasi antara Unit = 1 markah
- Kolaborasi antara Jabatan = 2-3 markah
- Kolaborasi antara Kementerian/ Agensi = 4 markah
- Kolaborasi peringkat Antarabangsa = 5 markah

## 1.2 Inisiatif NBOS

- Tiada inisiatif NBOS = 0 markah
- Wujud inisiatif NBOS antara Jabatan atau Kementerian yang sama = 1-2 markah
- Wujud inisiatif NBOS antara Kementerian atau agensi lain = 3-4 markah
- Sedang/ telah dilaksanakan sebagai Projek NBOS Peringkat Kebangsaan = 5 markah

## 1.3 WOW Factor

- Tiada WOW Factor = 0 markah
- Wujud WOW Factor pada skala sederhana = 1-2 markah
- Pendekatan WOW Factor yang menyeralah (*unconventional approach*) = 3-5 markah